Dia didakwa secara zalim menyakiti tiga kucing antara jam 4.25 petang hingga 5 petang pada 19 Februari 2011 di depan sebuah gerai di Pasar Seri Kembangan.



Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Beri hukuman berat kepada pelaku zalim | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 2 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 229 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,987 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,961 |



# Beri hukuman berat kepada pelaku zalim

**Gombak:** Masyarakat di negara ini mahu hukuman berat dikenakan terhadap pelaku yang membunuh kucing betina bunting dengan memasukkan haiwan itu ke dalam mesin pengering dobi layan diri di Taman Gombak Ria, di sini, kelmarin.

Mereka mengecam tindakan dua lelaki terbabit yang dianggap tidak bertamadun, kejam serta tidak berperikemanusiaan.

Malah, video kejadian itu turut tular di media sosial apabila beberapa individu serta pertubuhan berkaitan haiwan dilihat menzahirkan solidariti terhadap kucing itu.

Antara pertubuhan yang mengutuk tindakan kejam dua lelaki terbabit termasuk Persatuan Haiwan Malaysia, Kelab Pecinta Kucing Malaysia, Kelab Kucing Malaysia serta perinta haiwan lain.

Sementara itu, tinjauan di kedai dobi berkenaan mendapati mesin pengering terbabit diletakkan notis tidak beroperasi buat sementara waktu berikutan kejadian yang berlaku.

Pelanggan kedai dobi itu, Effa Ariffin, 43, mengakui terkejut apabila mengetahui kucing yang sering dilihat berlegar di kawasan berkenaan mati akibat 'dipanggang' dalam mesin pengering pakaian di situ.

"Kucing betina itu selalu ada di sini namun seingat saya, tidak pernah sekalipun ia mengganggu sesiapa atau membuat kotor. Jadi, saya memang terkejut, marah dan geram dengan tindakan dua lelaki terbabit yang jelas tidak berperikemanusiaan," katanya ketika ditemui di kedai dobi itu, semalam.

Effa berkata, mesin pengering pakaian digunakan dua lelaki terbabit adalah satu daripada dua mesin mempunyai suhu tinggi.

Katanya, pelanggan yang menggunakan mesin pengering itu biasanya perlu membiarkan pakaian untuk beberapa minit sehingga ia benar-benar sejuk sebelum boleh diambil.

"Di kedai dobi ini ada 12 mesin pengering. Tetapi dua mesin berkenaan termasuk digunakan dua lelaki terbabit adalah yang mempunyai suhu paling tinggi.

"Biasanya, kalau guna mesin itu, pakaian akan tetap panas dan perlu dibiarkan sehingga sejuk untuk beberapa minit sebelum boleh diambil dan dikeluarkan. Jadi, saya tidak dapat nak gambar bagaimana seksanya kucing betina itu menahan azab apabila dipanggang dalam mesin itu," katanya.

Pekerja swasta, Kamal Mohamad, 32, berkata dia sedih apabila melihat rakaman tindakan dua lelaki yang dianggapnya sebagai mempunyai masalah mental.

"Saya harap dua lelaki itu dikenakan hukuman berat termasuk dipenjara. Kalau denda saja tidak berpadanan dengan tindakan mereka kerana denda boleh dibayar, tetapi nyawa kucing serta anak dikandung tidak boleh dikembalikan," katanya

Tinjauan di laman Facebook pula mendapati kebanyakan pengguna mengecam perlakuan dua lelaki terbabit yang disifatkan lebih teruk

Powered by: isentia

| Headline | Beri hukuman berat kepada pelaku zalim | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 2 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 229 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,987 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,961 |

daripada binatang.

Seorang pengguna menggunakan nama Arina Mustapa berkata, sudah tiba masanya Malaysia mempunyai undang-undang ketat terhadap individu menzalimi haiwan.

Saranannya turut dipersetujui pengguna laman sosial yang tidak mahu pelaku terlepas bebas jika hanya dikenakan denda selepas didakwa dan terbukti bersalah.

Hani Ruhaini pula melahirkan kebimbangan terhadap tindakan dua lelaki terbabit yang berkemungkinan melakukan pembunuhan lain pada masa depan.

"Sekarang dia bunuh kucing, satu hari nanti mungkin dia akan bunuh budak pula. Pihak berkuasa tolonglah bertindak dengan manusia durjana ini," tulisnya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bincang kenaikan tarif air | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 73 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 138 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,436 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,309 |



**Shah Alam**

# Bincang kenaikan tarif air

Kerajaan Selangor mengakui sudah mengadakan perbincangan berhubung kenaikan tarif air di negeri ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Izham Hashim berkata, perbincangan terbabit baru dilakukan memandangkan kos tinggi ditanggung kerajaan negeri bagi melaksanakan skim air percuma.

Bagaimanapun, beliau berkata, sekiranya berlaku sebarang kenaikan, harga berkenaan dijamin tidak membebankan rakyat negeri ini dan sehingga kini keputusan tiada kenaikan tarif air masih dikekalkan.

"Kita baru bincang kerana kerajaan negeri menanggung kos yang tinggi susulan pengambilan Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 yang dibuat kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

"Jadi, kita teruskan apa yang dibuat kerajaan BN sebelum ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Diminta mengulas kenyataan bekas Menteri



**IZHAM**

Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang mahu bersama lima ADUN pembangkang memantau skim air percuma serta kenaikan tarif air, beliau berkata, kerajaan negeri menerimanya secara terbuka tanpa sebarang masalah.

Abdul Khalid ketika di Majlis Makan Malam Meraikan Petugas PRK Seri Setia, malam kelmarin menyatakan akan mengadakan perbincangan bersama ADUN pembangkang bagi memastikan kerajaan Selangor mengekalkan pemberian air percuma dan mengekalkan tarif air.

Powered by: isentia

| Headline | Pastikan air percuma diteruskan | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 73 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 118 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,648 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,945 |



**Shah Alam**

# Pastikan air percuma diteruskan

Bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim akan mengadakan perbincangan meja bulat bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang Selangor susulan penstrukturan semula industri air negeri, awal bulan lalu.

Menurut beliau, perbincangan akan memfokuskan berkenaan memastikan kerajaan Selangor mengekalkan pemberian air percuma selain tiada kenaikan tarif air yang dilihat memberi bebanan kepada rakyat.

"Saya akan sentiasa mengemukakan perkara (isu) yang kerajaan negeri jaga.

"Pembangkang akan pantau serta tentukan perkara itu (air percuma) dan tiada kenaikan tarif," katanya ketika ditemui di sini, malam kelmarin.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Makan Malam Meraikan Petugas PRK Seri Setia di pekarangan Ibu Pejabat



*ABDUL Khalid*

PAS Selangor.

Turut hadir Pesuruhjaya PAS negeri Sallehin Mukhyi, Timbalan Pengerusi UMNO Selangor Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahalan serta calon PRK Seri Setia Dr Halimah Ali.

Sebelum ini, kerajaan Selangor memberi jaminan tidak menaikkan tarif air ketika ini susulan pembelian Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH) berjumlah RM2.5 bilion yang dimuktamadkan.

Powered by: isentia

| Headline | Graduan UiTM diminati majikan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 6 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 279 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,240 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,720 |



Majikan senaraikan beberapa universiti di Malaysia antara 500 IPT terbaik dunia

# Graduan UiTM diminati majikan

**SHAH ALAM** – Universiti Teknologi Mara (UiTM) terbukti masih mendapat keyakinan daripada pihak majikan apabila tersenarai antara 500 institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik dunia dalam edisi ketiga *QS Graduate Employability Rankings* 2019 yang dikeluarkan kelmarin.

Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr. Hassan Said berkata, universiti itu kekal pada kedudukan antara 301 hingga 500 IPT terbaik dunia.

Pada masa sama, beliau berkata, UiTM turut berjaya berada pada kedudukan keempat terbaik di Malaysia bagi kategori kadar kebolehpasaran graduan.

"Keputusan ini memperlihat komitmen UiTM yang mengutamakan pandangan majikan terhadap kualiti graduan yang dikeluarkan. Ini ditambah dengan keyakinan majikan terhadap pelajar UiTM yang hadir pada sesi temu duga dan usaha majikan memperkenalkan syarikat masing-masing yang dijalankan di UiTM," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Universiti lain di Malaysia yang tersenarai termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan UCSI University yang berada pada kedudukan sama dengan UiTM iaitu 301 hingga 500 manakala Universiti Malaya dan Taylor's University masing-masing tersenarai pada kedudukan 161 hingga 170 dan 201 hingga 250.



HASSAN

Menurut Hassan, daripada aspek penglibatan latihan industri bagi pelajar dan penempatan pekerjaan untuk graduan di syarikat-syarikat di Malaysia, UiTM memperoleh skor nisbah 61.9 berbanding purata nisbah nasional iaitu sebanyak 43.3.

Beliau berkata, buat pertama kalinya juga, pihak QS telah mengeluarkan fail fakta bagi setiap universiti yang mendapat penarafan bagi membolehkan analisis secara menyeluruh dijalankan.

Katanya, pemarkahan yang diberikan kepada setiap univer-

| Headline | Graduan UiTM diminati majikan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 6 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 279 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,240 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,720 |

**INFO**

## Ranking IPT Malaysia Peringkat Dunia

| | |
|---|---|
| 161-170 | Universiti Malaya |
| 201-250 | Taylor's University |
| 301-500 | Universiti Teknologi Mara |
| | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| | Universiti Sains Malaysia |
| | UCSI University |

siti adalah berdasarkan bilangan pensyarah dan pelajar di sesebuah institusi berkenaan, iaitu petunjuk hubungan antara universiti serta majikan yang diukur bagi setiap 1,000 pelajar.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MB mahu Selangor pertahan kejuaraan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Black/white |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 21 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 86 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 847 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,541 |



# MB mahu Selangor pertahan kejuaraan

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari mahu kontinjen Selangor mengekalkan kejuaraan pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) ke-19 yang berlangsung dari 11 hingga 22 September ini.

Menerusi catatan di laman Twitter beliau, Amirudin turut berkesempatan mengucapkan selamat maju jaya kepada kontinjen negeri itu yang terlibat dalam temasya berkenaan.

"Ayuh pasukan Selangor, kita kekalkan kejuaraan Sukma, selamat maju jaya!" katanya.

Dalam pada itu, Ketua Kontinjen Sukma Selangor, Datuk Mohd Yasin Mohd Salleh berkata, pihaknya mensasarkan kutipan lebih 50 pingat emas dalam usaha untuk mempertahankan gelaran juara keseluruhan pada kali ini.

Memetik laporan Selangor kini, beliau berkata, sukan renang dan terjun dijangka bakal menjadi penyumbang terbesar pingat buat pasukan Selangor dengan sasaran sekurang-kurangnya 10 emas.

"Pada Sukma lalu di Sarawak, acara berkenaan menyumbang 22 emas, lebih daripada jangkaan sasaran.

"Antara sukan lain dijangka memberi sumbangan emas yang banyak untuk Selangor adalah olahraga, menembak dan tenpin boling," katanya.

Powered by: isentia

| Headline | Lebuhraya GCE tutup Ahad ini | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Black/white |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 22 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 84 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 827 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,481 |



# Lebuhraya GCE tutup Ahad ini

**SHAH ALAM** - Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) akan ditutup sepenuhnya kepada pengguna lebuh raya Ahad ini bermula jam 3.00 pagi sehingga 2.00 petang bagi memberi ruang kepada penganjuran GCE Duathlon 2018.

Prolintas dalam satu kenyataan berkata, pengguna Lebuhraya GCE dinasihati agar merancang masa dan menggunakan laluan alternatif sepanjang tempoh penutupan berlangsung bagi memudahkan perjalanan.

"Prolintas juga akan menyediakan penunjuk arah bagi pemberitahuan laluan alternatif di sepanjang Lebuhraya GCE.

"Bagi memastikan kelancaran acara dan laluan trafik, pasukan keselamatan khas akan ditempatkan di beberapa kawasan utama," kata kenyataan itu.

Dalam pada itu, Prolintas memohon kerjasama orang ramai agar mematuhi arahan dan panduan keselamatan sepanjang penutupan tersebut.

Pengguna juga boleh menghubungi talian bebas tol di 1-300-88-0035 dan mendapatkan info trafik terkini menerusi laman *Twitter* di @GCEtrafik serta mengenai GCE di *www.prolintas.com.my.*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RM500,000 bina ban baharu | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 23 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 301 cm² |
| Journalist | Mohd Izzatul Izuan Tahir | AdValue | RM 5,134 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,403 |



# RM500,000 bina ban baharu

***Ban lama tidak kukuh akibat hakisan ombak***

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**SABAK BERNAM**

Sebanyak RM500,000 diperlukan bagi membina ban baharu sepanjang kira-kira 450 meter berdekatan ban kedua di Sungai Air Tawar berikutan fenomena air pasang besar.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Sabak Bernam, Nasir Mamat berkata, ban baharu itu perlu segera dibina memandangkan ban sedia ada tidak mampu bertahan lebih lama kerana terlalu dekat dengan sungai dan sentiasa mengalami hakisan ombak.

"Ban lama ini berdepan ancaman hakisan dan ombak daripada bot atau kapal nelayan yang melalui sungai berkenaan," katanya.

Terdahulu, Nasir bersama-sama unit pengurus bencana negeri dan agensi penyelamat serta teknikal meninjau ban terbabit.

Beliau berkata, sebanyak RM200,000 lagi diperlukan selepas setahun pembinaan ban baharu terbabit.

"Selepas setahun, kita perlu meninggikan semula ban akibat daripada pemendapan," katanya.

Beliau memberitahu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan, ban pertama di Sungai Air Tawar mengalami rebak tanah sepanjang 40 meter.

Bagaimanapun, katanya, ban itu masih kukuh dan mampu menghalang banjir melimpah di kawasan kampung berhampiran.

"Bagi mengatasi kerosakan ban tersebut, JPS telah bertindak menutup pembetung berhampiran bagi mengelakkan air pasang besar melimpah ke kawasan kampung," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RM500,000 bina ban baharu | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 23 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 301 cm² |
| Journalist | Mohd Izzatul Izuan Tahir | AdValue | RM 5,134 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,403 |



Nasir (dua, kanan) bersama agensi terlibat meninjau keadaan ban di Sungai Air Tawar.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Keresahan penduduk kini berakhir | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 23 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 235 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,009 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,027 |



# Keresahan penduduk kini berakhir

SABAK BERNAM - Penduduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Sungai Tengar Utara, di sini, tidak perlu lagi resah dengan risiko penempatan mereka dilanda banjir berikutan fenomena air pasang besar.

Difahamkan, sejak pembinaan ban baharu tahun lalu, penduduk yang menetap di kawasan rendah di sini tidak lagi perlu berpindah ke pusat penempatan banjir.

Mohd Halim Nazeri, 30, berkata, ban laut di Tebuk Mendeling yang dibina Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) sedikit sebanyak melegakan penduduk meskipun dibelenggu masalah hakisan.

"Saban tahun, fenomena air pasang besar ini merisaukan penduduk kampung ini yang berdepan risiko tinggi dilanda banjir.

"Bila ban pecah, air laut melimpah masuk ke kawasan kampung dan risiko banjir meningkat terutama jika berlaku cuaca buruk," katanya.

Mohd Halim berkata, penduduk sering kali diulit resah setiap kali berlakunya fenomena air pasang besar.

"Bila hujan, saya terbayang air yang datang tanpa diundang masuk dan melimpah ke kawasan rumah.

"Malah, pengalaman itu menjadikan saya sekeluarga sentiasa bersedia untuk berpindah ke lokasi selamat sekiranya perkara tidak diingini berlaku," katanya.

Menurutnya, kejadian banjir besar pada tahun 2003 dan 2016 kekal di ingatannya sehingga saat ini.

"Pada tahun (2003), air naik sampai paras tingkap rumah dan waktu itu, kebanyakan harta benda penduduk tak sempat diselamatkan.

"Berbeza dengan 2016, keadaan tidak seteruk mana kerana ada pam air yang mengeluarkan limpahan dari rumah penduduk ke parit buangan berhampiran," katanya.

Sebelum ini, ban Tebuk Mendeling pernah runtuh sepanjang 80 meter, termasuk ketika fenomena air pasang besar pada November 2017 dan telah pun dibaik pulih namun rebak semula dalam kejadian petang Selasa lalu.

Tebuk Mendeling adalah salah satu daripada 17 kawasan berisiko fenomena air pasang besar di daerah ini.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Keresahan penduduk kini berakhir | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 23 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 235 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,009 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,027 |



**Mohd Halim menunjukkan parit berhampiran kediamannya masih tidak dilimpahi air laut berikutan pembinaan ban baharu berhampiran kampung berkenaan.**

Powered by: isentia

| Headline | PKR Sungai Besar ikut pusat, negeri | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 23 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 212 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,616 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,849 |



# PKR Sungai Besar ikut pusat, negeri



MOHD KHAIRULNIZAM

**SABAK BERNAM** - PKR Cabang Sungai Besar menolak dakwaan kononnya cabang itu tidak bergerak seiring dengan pendirian parti di peringkat pusat dan negeri.

Ketua Penerangannya, Mohd Khairulnizam Mohamad Samsuri berkata, kenyataan calon Ketua PKR Cabang Sungai Besar, Azhar Achil tidak tepat kerana cabang itu sentiasa mendukung keputusan parti di semua peringkat.

"Ini termasuk menerima keputusan parti di peringkat pusat bersama Harapan untuk melantik Tun (Dr) Mahathir Mohamed sebagai perdana menteri, dan menyokong kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai presiden parti.

"Kita juga sentiasa bersama kepimpinan parti di peringkat negeri serta membantu menteri besar Selangor dan Exco dalam melaksanakan segala agenda kebajikan di peringkat bawah untuk rakyat," katanya.

Mohd Khairulnizam berkata, pihak lawan pula bergerak dengan menggunakan platform Solidariti Anak Muda Malaysia (Samm) berkempen membantah pelantikan Mahathir sebagai perdana menteri Harapan.

Mengulas isu penubuhan ranting PKR, Mohd Khairulnizam berkata, pihak pencabar seharusnya faham bahawa ia tidak hanya melibatkan cabang itu, sebaliknya di kawasan cabang lain.

"Penubuhan ranting tidak menjadi keperluan sebelum ini kerana penubuhannya memerlukan kos untuk pengurusan dan pentadbiran serta banyak peruntukan kewangan untuk menjalankan aktiviti," katanya.

Berhubung kerusi PKR dalam pilihan raya pula, katanya, PKR Cabang Sungai Besar mengambil pendekatan menerima keputusan konsensus di peringkat pusat dan negeri yang lebih arif mengatur strategi bagi memastikan kemenangan Harapan dalam pilihan raya.

"Dalam soal keahlian parti pula, pihak terbabit perlu menyemak dan memahami peraturan keahlian parti PKR adalah parti yang terbuka dalam menerima keahlian sama ada dari dalam atau pun luar kawasan.

Ujarnya, selepas pemilihan parti pada 2004 sehingga kini, PKR Cabang Sabak Bernam telah berjaya mendaftar seramai hampir 1,600 ahli baharu dengan 6,243 jumlah keseluruhan keahlian dan memberitahu, pihak yang tidak berpuas hari perlu menyuarakan segala isu berhubung keahlian parti ke peringkat pusat.

Sinar Harian 9 September lalu melaporkan, Azhar yang juga penyelaras Samm Selangor menawarkan diri bertanding merebut jawatan Ketua PKR Cabang Sungai Besar pada pemilihan parti itu, 13 Oktober depan.

Azhar berkata, keputusan beliau mencabar jawatan itu adalah bagi memastikan PKR cabang itu bergerak seiring dengan pendirian parti itu di peringkat pusat dan negeri.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Wujud polisi persaingan terbuka | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 24 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 111 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,893 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,679 |



# Wujud polisi persaingan terbuka

**AMPANG** - kerajaan perlu melaksanakan polisi tertentu termasuk menggalakkan persaingan terbuka dalam kalangan pemaju perumahan mampu milik bagi mengawal sektor berkenaan.

Ketua Penerangan Parti Rakyat Malaysia (PRM), Tan Kang Yap berkata, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng sepatutnya perlu mengetahui puncanya kenaikan harga rumah dan mencari cara terbaik bagi menurunkannya.

"Selain itu, polisi yang menggalakkan spekulasi pelabur pada 2007 di mana kerajaan pada ketika itu tidak mengenakan cukai keuntungan hartanah (RPGT). Namun, ada kumpulan ambil kesempatan mengeksploitasikan situasi itu pada 2009, harga rumah mula melambung tinggi," katanya.

> *Selepas itu, ia bagaikan 'kuda terlepas daripada tali tambatan', kenaikan harga rumah tidak dapat dikawal lagi,"*
> - Kang Yap

"Sayangnya ia tidak mendapat perhatian kerajaan atau pembangkang. Selepas itu, ia bagaikan 'kuda terlepas daripada tali tambatan,' kenaikan harga rumah tidak dapat dikawal lagi," katanya melalui kenyataan media.

Beliau mengulas kenyataan Guan Eng yang berharap akan ada perubahan terhadap harga rumah selepas perkhidmatan pembinaan dikecualikan daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Manfaat inovasi, teknologi` | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 24 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 190 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,241 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,723 |



# 'Manfaat inovasi, teknologi'

**BALAKONG** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menggesa supaya warga koperasi bergiat aktif dalam penyelidikan dan pembangunan produk berasaskan teknologi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sektor inovasi dan teknologi sentiasa mempunyai pembaharuan mengikut peredaran semasa.

"Saya yakin lebih banyak koperasi dapat terlibat dan menyumbang melalui sektor inovasi dan teknologi.

"Penggunaan teknologi yang sangat meluas pasti menjanjikan peluang perniagaan yang sangat besar kepada koperasi," katanya.

Beliau berkata, seramai 6.5 juta ahli koperasi di negara ini.

"Saya berharap ahli koperasi dapat menyemai sifat perpaduan dalam usaha kita memperkasakan lagi gerakan koperasi khususnya dalam aspek perniagaan," katanya pada ucapan perasmian program kibar Jalur Gemilang patriotik anjuran Angkasa dengan kerjasama Treeletrik Sdn Bhd.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Treelektrik Sdn Bhd, Datuk Steven Thor.

Abdul Fattah berkata, pihaknya juga telah mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Konsortium Koperasi Wanita, Tan Sri Dr Siti Zaharah Sulaiman berhubung cadangan untuk mewujudkan teksi yang akan dipandu oleh golongan wanita. .

"Teksi yang dikenali sebagai 'Pink Taxi' ini dijangka akan menggunakan kereta elektrik, perkara ini masih lagi dalam peringkat perancangan, kita akan bekerjasama dengan Treelektrik untuk merealisasikan hasrat ini," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan Abdullah Fattah berkata, pihak Angkasa sentiasa menganjurkan program berkaitan penghayatan kemerdekaan melibatkan warga koperasi bagi memperingati dan menghayati tarikh bersejarah itu.

Powered by: isentia

| Headline | `Manfaat inovasi, teknologi` | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 24 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 190 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,241 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,723 |



**Abdul Fattah (tiga, kanan) menyampaikan hadiah motosikal elektrik kepada wakil pemenang cabutan bertuah.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pertembungan dua penjuru | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 33 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 434 cm² |
| Journalist | ARZIANA MOHMAD AZAMAN | AdValue | RM 7,403 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,209 |



# Pertembungan dua penjuru

*Kerusi ketua, wanita jadi rebutan Cabang Tanjong Karang 2018*

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

TANJONG KARANG



MOHD YAHYA



NORFAIZAH

Pemilihan Keadilan bagi Cabang Tanjong Karang 2018 bakal menyaksikan pertembungan dua penjuru bagi kerusi ketua dan wanita cabang pada 13 Oktober nanti.

Kerusi ketua cabang yang disandang Mohd Yahya Mat Sahri itu bakal dicabar Zainal Abidin Abdul Samad yang juga Pegawai Khas Adun Bukit Melawati.

Manakala kerusi ketua wanita cabang yang disandang Norfaizah Ismail bakal dicabar timbalannya, Haslina Hasan dengan tujuh barisan jawatankuasa baharu.

Bagi Mohd Yahya, pertembungan dua penjuru kali ini pertama kali berlaku sepanjang cabang ini ditubuhkan.

"Sebelum ini masa PKR tak pernah menang, memang tiada yang nak bertanding tapi sekarang sudah lain.

"Bagi saya, ini amalan demokrasi biasa dan tiada masalah langsung sebab yang penting, parti ini terus kukuh selain mempunyai barisan pimpinan mantap yang diterima rakyat," katanya.

Katanya, sesiapa yang dipilih selepas pemilihan nanti diharapkan dapat bekerja demi memenangkan parti dan bukannya sekadar memegang jawatan tanpa sebarang komitmen.

Sementara itu, Norfaizah yang menyandang kerusi ketua wanita itu sejak 2008 berkata, pihaknya mengesahkan untuk bertanding mengekalkan jawatan sama bagi pemilihan kali ini.

"Sudah jadi misi dan visi saya untuk bawa lebih banyak suara wanita Keadilan Cabang Tanjong Karang ke peringkat negeri dan kebangsaan bagi membela

**info**

**Pertembungan dua penjuru pertama kali berlaku sepanjang cabang ini ditubuhkan**

Powered by: isentia

| Headline | Pertembungan dua penjuru | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 33 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 434 cm² |
| Journalist | ARZIANA MOHMAD AZAMAN | AdValue | RM 7,403 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,209 |



**Sebahagian barisan anggota Keadilan Cabang Tanjong Karang hadir sempena Mesyuarat Agung Tahunan 2018 Cabang Tanjong Karang di Dewan Dato' Hormat Tanjong Karang.**

nasib mereka.

"Pastinya kita bertuah kerana mempunyai Adun Permatang, YB Rozana Zainal Abidin untuk bawa suara wanita," katanya sempena Mesyuarat Agung Tahunan 2018 Cabang Tanjong Karang di Dewan Dato' Hormat Tanjong Karang.

Norfaizah menjelaskan, gerak kerja berkempen ke setiap ranting secara berkumpulan sedang giat dilaksanakan sebagai persediaan berdepan pemilihan tidak lama lagi.

"Sudah menjadi hasrat saya untuk menguatkan lagi jentera keadilan cabang dengan menarik lebih ramai wanita selain bekerja dengan berhemah dan kempen yang membina.

"Saya mahu tunjukkan wanita ini ada misi ke hadapan malah dengan adanya kekuatan selepas menang PRU14, PH mampu untuk membantu lebih ramai wanita," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Mengulas lanjut mengenai pendekatan e-vote, Norfaizah memaklumkan, Jawatankuasa Pemilihan Pusat akan turun untuk menunjukkan demonstrasi penggunaan digital terbabit.

"Saya difahamkan, jawatankuasa ini akan membantu menunjukkan cara yang betul untuk penggunaan aplikasi e-vote ini kepada ketua daerah mengundi bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan sebelum pemilihan berlangsung.

"Bagaimanapun bagi pemilihan Cabang Tanjong Karang 2018, saya berharap semuanya berjalan lancar sepanjang proses pengundian," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tiada berlaku limpahan air laut | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 33 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 87 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,484 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,452 |



# Tiada berlaku limpahan air laut



SHAMSUL SHAHRIL

**KUALA SELANGOR** - Meskipun paras air laut dilaporkan mencecah 5.5 meter, namun tiada berlaku limpahan air yang serius di kawasan berisiko di perairan daerah ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, keadaan pesisiran pantai daerah ini masih terkawal.

"Pemantauan situasi di kawasan pesisiran pantai mendapati tiada limpahan air dikesan melepasi ban ketika fenomena air pasang besar yang dijangka berakhir hari ini (semalam).

"Paras air direkodkan setinggi 5.5 meter pada jam 7.42 pagi semalam bagaimanapun tiada limpahan serius," katanya yang memaklumkan status terkini fenomena air pasang besar di perairan Kuala Selangor.

Shamsul Shahril Badliza yang juga Pegawai Daerah Kuala Selangor itu menjelaskan, keadaan ban masih kukuh dan dalam keadaan baik selain tiada rebakan berskala besar.

Powered by: isentia

| Headline | Selangor juara boling individu, berpasukan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 13 Sep 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 51 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 187 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,190 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,570 |






Pasukan boling Selangor bergambar kenangan.

# Selangor juara boling individu, berpasukan

SHAH ALAM - Selangor berjaya menempatkan diri sebagai juara boling acara individu dan berpasukan dalam Perhimpunan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia yang berlangsung di Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Dengan jatuhan 1,891 pin melayakkan trio dari Selangor A menewaskan pasukan Kedah A menduduki tangga kedua dengan jumlah 1,860 jatuhan pin diikuti Pahang B dengan kutipan 1,787 pin.

Selangor yang menghantar tiga pasukan terdiri Selangor A dan B serta veteran berjaya menempatkan diri di tangga ketiga bagi kutipan keseluruhan.

Penghulu Mukim Setapak, Mohd Fazli Abdul Latif berkata, selain boling acara lain termasuk ping pong, futsal, badminton dan karom turut disenaraikan dalam program itu.

Menurutnya, 40 wakil dari Selangor turut serta dalam pelbagai acara di program yang berlangsung selama empat hari bermula 2 September lalu.

"Selangor diketuai oleh Pengerusi Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia cawangan Selangor, Jumasri Jumin sebagai menyahut cabaran yang diadakan setiap dua tahun sekali.

"Selangor turut berjaya menang tempat ketiga bagi acara ping pong dan keempat dalam futsal," katanya.

Powered by: isentia